

18 APR 2003

Mahathir-Petronas/I

MAHATHIR: KETUA PETRONAS DIPINJAMKAN KE IRAQ HANYA JIKA PERMINTAAN DATANG DARI PBB

Oleh: Mikhail Raj Abdullah dan Yong Soo Heong

PUTRAJAYA, 18 April (Bernama) -- Malaysia akan menimbang untuk meminjamkan presiden dan ketua pegawai eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Merican, untuk membantu menguruskan industri minyak Iraq hanya jika permintaan datang daripada Bangsa-bangsa Bersatu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Pada ketika ini, ini bukanlah satu cadangan. Ia cuma satu pendapat yang dinyatakan oleh dua buah akhbar, jadi kita tidak langsung fikirkan mengenainya," beliau memberitahu Bernama apabila diminta mengulas mengenai laporan berita yang Hassan mungkin diminta membantu dalam pembinaan semula industri minyak Iraq yang dimusnahkan oleh peperangan.

"Tawaran seumpama itu sepatutnya datang daripada Bangsa-bangsa Bersatu sahaja, jika tidak, kita tidak akan memikirkannya sama sekali," katanya.

Dua akhbar Britain, The Financial Times dan The Independent, baru-baru ini melaporkan yang ketua perbadanan minyak negara Malaysia itu mungkin merupakan calon untuk membantu menguruskan industri minyak Iraq dalam era selepas perang.

Iraq mempunyai simpanan lebih daripada 112 bilion tong minyak, rizab kedua terbesar dunia selepas Arab Saudi. Bumi Iraq juga mempunyai 110 trilion kaki padu gas asli.

Ditanya sama ada Petronas boleh menerokai peluang-peluang perniagaan di Iraq, Dr Mahathir berkata perbadanan minyak negara itu telah cuba memasuki Iraq lama dahulu.

"Tetapi hari ini, keadaan adalah berbeza, kita malahan tidak tahu siapa yang memerintah Iraq. Kita tahu orang Iraq tidak memerintah negara mereka sendiri. Jadi kita tidak boleh memasukinya," katanya.

Seorang jurucakap rasmi Petronas, yang mengulas mengenai laporan berita itu pertengahan minggu ini, berkata Petronas tidak dihubungi oleh pentadbiran Amerika mengenai perkara itu.

Memandangkan bahawa Petronas adalah dimiliki kerajaan, jurucakap itu juga berkata sebarang keputusan (mengenai pelantikan itu) memerlukan kelulusan kerajaan Malaysia.

Kedua-dua akhbar itu berkata Pentadbiran Bush sedang mencari seorang eksekutif minyak yang berpengalaman dari sebuah negara Islam bagi tugas tersebut. Seorang lagi calon berpotensi ialah menteri minyak Algeria, Chakib Khelil.

Mohd Hassan telah menjadi presiden dan CEO Petronas sejak Februari 1995.

Ditubuhkan pada 1974, Petronas ditugaskan menguruskan keseluruhan sumber minyak dan gas Malaysia.

Ia kini beroperasi di 34 negara dengan perniagaan antarabangsa menyumbang lebih 80 peratus daripada hasilnya. Petronas juga dianggap sebagai syarikat minyak milik kerajaan yang dikendalikan dengan cekap dan paling menguntungkan di dunia.

-- BERNAMA

MR/SHY SHY OS